

Saranan Mahathir kepada pakar ekonomi

Deflasi ganti inflasi

Oleh Manja Ismail

KUALA LUMPUR. Rabu - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyarankan usaha menghapuskan inflasi perlu disertai dengan langkah menurunkan semula harga barangan supaya kadar inflasi lebih rendah daripada kosong peratus (deflasi).

Perdana Menteri meminta ahli ekonomi, kewangan dan birokrat memikirkan teori deflasi itu kerana berpendapat setinggi mana pendapatan pun tidak akan membawa makna jika kuasa membeli tidak meningkat.

Menurutnya, walaupun beberapa negara secara kebetulan pernah mengalami inflasi di bawah sifar, malangnya keadaan ekonomi ketika itu tidak berapa baik, malah ada yang mencatat pertumbuhan kosong peratus atau lebih rendah.

Kesan keadaan itu, kata Dr Mahathir, ramai membuat kesimpulan inflasi negatif mempunyai kaitan dengan apa yang dianggap sebagai kegagalan ekonomi yang kurang sihat.

"Tetapi kita semua tahu jumlah wang yang kita miliki tidak membawa sebarang erti kecuali kita boleh membeli barangan dan perkhidmatan dengannya. Apa gunanya kenaikan gaji jika kita tidak boleh membeli lebih banyak barangan yang pernah kita beli sebelumnya.

"Apa gunanya bercakap mengenai jumlah berjuta, berbilion atau trilion jika apabila ditukar dengan kadar dolar Amerika Syarikat misalnya, ia mengurangkan angka kosong itu," katanya berucap di jamuan tahunan Institusi-institusi Kewangan di sini, malam ini.

Hadir sama ialah Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Loke Yuen Yow dan Mustapa Mohamed serta Gabenor Bank Negara, Ahmad Mohd Don dan Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Mazlan Ahmad.

Dr Mahathir berkata, pertumbuhan mantap ekonomi negara sejak 1987 yang masuk ke tahun kelapan sekarang, dijangka terus kukuh beberapa tahun lagi, menjadikannya paling utuh dan lama dalam tempoh tiga setengah dekad.

Petunjuk terkini, kata Perdana Menteri, menunjukkan pertumbuhan pada 1994 dan 1995 perlu dikekalkan pada tahap lebih lapan peratus.

"Walaupun unjuran ekonomi Malaysia memberangsangkan, tiada ruang untuk berdiam diri. Kita jangan sekali-kali memandang ringan pertumbuhan ini. Kelembapan ekonomi yang dialami oleh Malaysia sebelum ini boleh berlaku lagi.

"Ia akan berlaku lebih awal jika kita terlupa pengajaran masa lalu. Cabaran paling penting sekarang ialah usaha mengawal tekanan inflasi," tegasnya.

Perdana Menteri berkata, dunia sudah menerima inflasi sebagai hakikat hidup, manakala kesatuan dan majikan bersetuju menetapkan kenaikan gaji tahunan bagi menghadapi inflasi. Dangan itu, semakan gaji dibuat sekurang-kurangnya di antara tiga

LIHAT MUKA 2

Deflasi ganti inflasi: Mahathir

DARI MUKA 1

dan lima tahun sekali tanpa mengira produktiviti.

Malah, katanya, majikan percaya dengan berbuat demikian, mereka boleh menghadapi kesan inflasi. Walaupun tindakan itu sebenarnya mendorong meningkatkan inflasi, mereka tidak menggunakan alasan itu kerana tiada siapa menerimanya.

"Sebaliknya, eksekutif suka untuk memenuhi

tuntutan kesatuan supaya gaji dinaikkan kerana mereka juga akan menikmati kenaikan yang sama, biasanya pada peratus lebih tinggi," katanya.

Beliau menjelaskan, kekayaan atau kemiskinan bukannya ditentukan oleh sebanyak mana wang yang dimiliki seseorang, sebaliknya diukur dengan jumlah barangan dan perkhidmatan yang mampu dibeli

dengan wang itu.

Menurutnya, ramai mempersoalkan kerana kos sara hidup di Malaysia rendah, rakyat negara ini tidak semiskin seperti petunjuk perkapita Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) mereka dalam dolar Amerika.

"Rakyat negara ini boleh membeli lebih banyak barangan dengan pendapatan mereka berbanding penduduk ne-

gara yang kos sara hidupnya tinggi

Dr Mahathir berkata, rakyat Malaysia tidak jauh di belakang penduduk negara maju jika Persamaan Kuasa Membeli (PPP) dijadikan ukuran. Berdasarkan PPP, pendapatan seorang penduduk negara ini dalam dolar Amerika ialah AS\$8,050 (RM20,125), bukannya AS\$3,230 (RM8,075).